

Da. Mahathir dan

U.M. 17 AUG 1993

MUKADIMAH

TRANSKRIP wawancara Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad dengan wakil-wakil media massa dalam rancangan RTM "Bersama Perdana Menteri" pada hari Isnin, 16 Ogos 1993.

DATO' Jaafar Kamin (Pengerusi): Assalamualaikum dan salam sejahtera. Dalam perbincangan 'Bersama Perdana Menteri' kali ini kita akan sentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan ekonomi negara dan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita telah pun bersama-sama bersedia di sebelah kanan saya. Terima kasih Dato' Sri kerana dapat bersama di studio dengan kami pada malam ini. Biarlah saya kenalkan di kiri saya ialah Saudara Johan Jaaffar daripada Kumpulan Akhbar Utusan Melayu, di kanan Dato' Sri ialah Saudara Abdul Rahman Sulaiman dari BERNAMA, yang di hujung sebelah kanan saya ialah Cik Hardev Kaur dari *Business Times*.

Jaafar Kamin: Dato' Sri, kedudukan ekonomi kita pada masa ini, pertumbuhannya adalah amat baik. Tetapi kita juga mempunyai cabaran, sama ada dari dalam negeri ataupun yang datang dari luar negeri. Dalam negeri ini selalunya inflasi menjadi satu cabaran utama. Bagaimana pandangan Dato' Sri mengenai perkara ini?

Perdana Menteri: Memang bagi mana-mana negara yang melalui pertumbuhan ekonomi yang pesat, ia diancam dengan kenaikan harga barangan dan sara hidup yang tinggi. Jika kita tidak berhati-hati, tidak mengawal inflasi dan kenaikan harga ini, maka segala pertumbuhan ekonomi tidak akan mendatangkan manfaat ataupun tidak mendatangkan manfaat sepenuhnya. Sebab itu kita harus memberi tumpuan kepada bagaimana membendung, mengawal inflasi.

Jaafar Kamin: Oleh kerana inflasi banyak aspek, ya mungkin Rahman

Rahman Sulaiman: Bagaimana pula sumbangan yang dapat rakyat berikan untuk membendung inflasi?

Perdana Menteri: Inflasi adalah satu fenomena yang tidak difahami secara mendalam oleh kebanyakan rakyat dan sesuatu yang kita tidak faham agak sukar bagi kita memainkan peranan untuk mengatasinya. Justeru itu, satu perkara yang amat penting sekali ialah bagi seluruh rakyat memahami apa dia inflasi, apa sebabnya dan cara mana kita dapat membendung inflasi. Bagi kebanyakan kita, yang kita utamakan ialah pendapatan ataupun upahan yang tinggi. Tetapi kita tidak mengambil kira sama ada upahan yang tinggi itu membolehkan kita membeli lebih banyak barangan daripada sebelumnya. Kita tumpu kepada bilangan angka wang yang kita terima dan bukan barangan yang boleh kita beli dengan tambahan pendapatan.

tingkatkanlah produktiviti. Tetapi sejauh mana kefahaman kita tentang konsep produktiviti ini?

Perdana Menteri: Secara mudah kita boleh kata produktiviti ialah peningkatan pengeluaran tanpa kenaikan kos dan ini boleh dilakukan. Umpamanya, kalau kita bekerja lebih kuat, kalau kita lebih rajin, kalau kita menggunakan masa sepenuhnya untuk bekerja, kalau kita dapat meningkatkan efisiensi kita, kecekapan kita, kalau kita tidak melengah-lengahkan masa dan kita jalankan kerja dengan cukup sempurna, ini secara mudah boleh meningkatkan produktiviti kerana ia tidak melibatkan kos. Kalau kita kerja dengan cukup minat, dengan cukup cekap, kita boleh mengeluarkan barangan lebih banyak, tidak ada peningkatan upahan ataupun kos, ataupun penggunaan yang lain-lain dalam semua kerja yang kita buat. Ada yang dikatakan *fixed cost* dan ada yang dikatakan *variable cost*. *Fixed cost* ini ialah macam satu hotel mempunyai seratus bilik dan satu hotel yang lain mempunyai dua ratus bilik, tetapi seratus bilikkah, dua ratus bilikkah, cuma satu manager sahaja. Lebih baiklah kalau kita ada satu *manager* bagi dua ratus bilik daripada satu manager bagi seratus bilik. Inilah cara-caranya yang mudah untuk meningkatkan produktiviti tanpa kenaikan kos.

ekonomi negara

Yang penting sebenarnya ialah *purchasing power*, kuasa membeli. Dan *purchasing power* ini akan terjejas jika harga barangan naik sama dengan kenaikan upahan. Kalau upahan naik seratus peratus, tetapi barang juga naik seratus peratus, kita tidak boleh membeli lebih dari dahulu. Jadi, ini tidak berguna. Sebab itu kita hendak supaya upahan naik tetapi kos barangan tidak meningkat.

Kenaikan gaji

Johan Jaaffar: Dato' Sri, kepercayaan di kalangan para pekerja ialah dengan menaikkan gaji akan dapat memudahkan mereka untuk membeli barangan yang lebih. Tetapi Dato' Sri menyebutkan tentang kemungkinan bahawa mekanisme ini tidak dapat menjawab semua masalah itu, yakni kenaikan gaji juga akan menyebabkan kenaikan harga barang pada akhirnya. Bagaimanakah Dato' Sri fikirkan kemungkinan bahawa akan berlaku inflasi yang seburuk, seperti di negara-negara, terutamanya negara-negara Amerika Latin, yang sampai pada satu peringkat tidak dapat dikawal atau dibendung? Bagaimana kita boleh menangani masalah ini?

Perdana Menteri: Sepertimana saya katakan tadi, yang pertamanya kita mesti faham ialah kenaikan gaji dengan sendirinya tidak menguntungkan. Hanya yang menguntungkan ialah kenaikan gaji yang membolehkan kita membeli barangan lebih daripada sebelumnya dan untuk ini harga barangan tidak harus naik. Tetapi kita juga tahu bahawa kenaikan gaji boleh menyebabkan harga barangan naik. Ia akan berlaku jika kita tidak dapat meningkatkan daya pengeluaran ataupun produktiviti kita bila gaji kita naik. Umpamanya, kalau gaji kita naik seratus peratus, tetapi barangan kita keluaran juga meningkat seratus peratus, jelas sekali bahawa harga barangan ataupun kos membuat barang itu telah meningkat. Dalam mana-mana masyarakat yang ingin mencapai kemajuan, *purchasing power* rakyat mesti meningkat, dan *purchasing power* meningkat melalui kenaikan upahan tanpa kenaikan kos dan ini boleh dilakukan dengan meningkatkan produktiviti.

Inilah yang kita harus tumpukan. Kalau rakyat keseluruhannya faham ini, maka mereka akan berhati-hati supaya mereka akan mendapat *purchasing power* yang meningkat dengan kenaikan upah, bukan *purchasing power* yang tidak meningkat ataupun kadangkala kadang menurun seperti di sesetengah negara di mana inflasi adalah sebanyak satu ribu peratus setahun. Bermakna barangan yang pada bulan Januari cuma satu ringgit, pada penghujung tahun terpaksa bayar sepuluh ringgit. Walaupun naik gaji sepuluh kali ganda, tidak ada makna. Inilah yang kita harus elak.

Rahman Sulaiman: Jadi maknanya upah boleh ditingkatkan dengan syarat dia selaras dengan peningkatan produktiviti. Mungkin Dato' Sri boleh jelaskan serba sedikit tentang produktiviti ini sebab semua orang kata produktiviti,

Kesatuan sekerja

Hardev Kaur: Mahu tidak mahu sedikit sebanyak berikutan dengan pertumbuhan ekonomi Malaysia, kesatuan sekerja menuntut kenaikan gaji dan mereka juga dapat galakan daripada kawan-kawan di luar negara seperti AFL-CIO. Mengapakah agaknya sekarang AFL-CIO mengambil berat tentang kesatuan sekerja ataupun para pekerja di Malaysia, pada hal pada masa dulu semasa Malaysia pengeluar terbesar bijih timah dan juga getah asli, mereka tidak mengambil berat tentang para pekerja di Malaysia?

Perdana Menteri: Duld kita tidak mempunyai industri dan apabila kita mula proses industrialisasi di Malaysia, kita bergantung kepada pelaburan daripada negara-negara asing, daripada orang asing dan orang asing ini datang ke sini kerana kos pengeluaran di Malaysia rendah, terutamanya kerana upahan rendah. Apabila mereka datang ke sini, sudah tentu peluang kerja yang diwujudkan di negara kita tidak wujud di negara asal mereka, di Amerika ataupun di Eropah. Jadi pekerja mereka menganggur sedangkan pekerja mereka ingin supaya ada banyak peluang kerja kerana apabila ada banyak peluang kerja, mereka boleh menuntut upahan yang lebih tinggi. Sebab itu mereka sebolehnya ingin supaya tidak ada pelaburan di Malaysia. Dan untuk ini, mereka percaya kalau kos di Malaysia ini meningkat hampir sama dengan kos mereka, tidak ada sebab pelaburan akan datang ke sini. Sebab itu mereka menghasut supaya pekerja kita membuat sesuatu yang boleh meningkatkan kos. Kalau kita mogok sepanjang masa, mogok melibatkan kos kerana kerja tidak berjalan, barang tidak dikeluarkan, orang tidak dapat membeli barangan kita dan kita tidak dapat menjual. Dengan itu, peluang-peluang kerja akan kembali ke negara mereka. Itu sebabnya mereka (pihak luar) menunjuk minat.

Hardev Kaur: Mengapakah mereka tidak menunjukkan minat seperti ini kepada para pekerja di Bangladesh umpamanya?

Perdana Menteri: Kerana Bangladesh tidak bersaing dengan mereka. Bangladesh tidak memasuki bidang industri yang diminati oleh pekerja mereka. Mungkin mereka (Bangladesh) masuk industri yang menggunakan kecekapan yang rendah, yang menggunakan tenaga buruh yang besar dan pelaburan yang kecil. Jenis-jenis ini tidak bersaing dengan barangan keluaran dari negara-negara maju. Sebab itu mereka tidak peduli walaupun negara-negara LDC (*Least Developed Countries*), yang kurang maju ini, menarik pelaburan kerana ia tidak menjejaskan pelaburan di negara-negara maju. Sebab itu mereka tidak mempunyai minat.

Johan Jaaffar: Apakah ini maksudnya memang ada semacam satu usaha terancang untuk sabotaj kemantapan ekonomi kita dengan cara-cara yang tertentu, menggunakan pihak-pihak tertentu, hingga akhirnya kita akan kehilangan kele-

bahan kompetitif atau *competitive edge* kita untuk bersaing dengan negara-negara lain?

Perdana Menteri: Mereka bukan merancang untuk menyekat pertumbuhan ekonomi kita tetapi mereka merancang untuk menentukan bahawa kehidupan mereka sendiri tidak terancam oleh kita. Dan ia boleh terancam kalau pelaburan disalurkan ke negara kita dan kurang kepada negara mereka. Justeru itu, peluang kerja tidak bertambah bagi mereka dan apabila peluang kerja tidak bertambah dan bilangan penganggur banyak, maka mereka tidak mungkin menuntut kenaikan gaji bagi diri mereka sedangkan mereka sudah pun menikmati gaji yang tinggi, upahan yang tinggi. Mereka masih ingin gaji yang tinggi supaya kehidupan mereka lebih mewah. Jadi kita merupakan ancaman kepada mereka kerana peluang kerja. Kalau kita membangun umpamanya, kalau kita mengeluarkan minyak, kita kaya, itu bukan masalah mereka. Kita boleh kaya dengan bahan mentah kita kerana mereka tidak in mempunyai bahan mentah itu. Sedikit sebanyak mereka untung kalau kita dapat mengeluarkan bahan mentah itu. Tetapi dalam bidang-bidang yang mereka boleh buat dan kita juga boleh buat, dalam bidang inilah yang mereka memberi tumpuan.

Pelaburan luar

Jaafar Kamin: Dato' Sri menyebut tentang pelaburan daripada negara luar misalnya. Ada insentif-insentif tertentu diberi tetapi ada tuduhan yang mengatakan terlalu banyak insentif. Ada juga yang mengatakan ini hanya menguntungkan peniaga. Jadi apa pandangan Dato' Sri?

Perdana Menteri: Ya, memang ia menguntungkan peniaga tetapi tujuannya asal ialah supaya pekerja kita dapat kerja. Sebab itu, kerajaan mengenakan syarat, bagi industri-industri yang mewujudkan banyak peluang kerja kita beri insentif. Bermakna bahawa kita beri insentif untuk mewujudkan peluang kerja kerana kepentingan pekerja kita. Bukan kepentingan peniaga itu supaya dia mendapat untung. Tetapi kalau hendak menarik orang untuk menolong kita mewujudkan peluang kerja, dia mesti dapat sesuatu. Dan apa yang harus kita berikan kepada dia tentulah keuntungan yang lebih. Kalau dia dapat keuntungan yang lebih maka dia lebih berminat untuk melabur di sini. Hasilnya ialah peluang kerja yang bertambah. Kita tekankan *labour intensive industries* dahulu. Hari ini pengangguran di Malaysia sudah turun kepada paras 4 peratus. Boleh kata tidak ada seorang pun yang hendak kerja, tidak dapat kerja. Kita sudah sampai ke tahap itu. Sekarang ini kita tidak begitu berminat kepada *labour intensive industries* lagi. Kita hendak kepada *high-tech* dan *capital intensive industries*. Dan *high-tech* dan *capital intensive industries* ini memerlukan pekerja yang lebih cekap. Justeru itu, mereka akan dapat gaji dan upahan yang bertambah.

lain. Jadi kita terpaksa merancang untuk jangka masa yang lebih panjang. Ini kita buat kerana kita tahu akhirnya kita dapat keuntungan yang lebih. Kalau kita tumpu kepada apa yang kita dapat hari ini sahaja, esok mungkin tidak ada lagi. Sebab itu kadang-kadang kita terpaksa mengambil tindakan yang tidak begitu popular kerana dalam jangka masa panjang ia lebih baik. Kita harap bila rakyat melihat bahawa sebenarnya tindakan ini baik untuk rakyat, maka mereka akan menyokong kerajaan.

Rahman Sulaiman: Dan bila mengenang tentang prestasi ekonomi yang sekarang menjadi pujian bukan sahaja oleh rakyat Malaysia tetapi oleh pengulas-pengulas ekonomi dari luar negara, ada pula pihak yang mengatakan ini secara kebetulan, bukan maksudnya sebagai satu hasil perancangan teliti dan usaha yang gigih oleh kerajaan. Apa respond Dato' Sri tentang tuduhan begini?

Perdana Menteri: Mungkin ada faktor kebetulan. Kita tidak nafi. Umpamanya negara kita ini, kita semua harus bersyukur, tidak ada malapetaka yang besar. Tidak ada gerak gempa, tidak ada gunung berapi, tidak ada banjir yang besar tiap-tiap enam bulan atau tiap-tiap tahun. Tidak ada banyak malapetaka. Itu merupakan sesuatu yang menguntungkan kita. Tetapi ada banyak negara juga yang menikmati alam sekitar yang lebih baik daripada kita tetapi tidak dapat kemajuan. Ia tidak mendapat kemajuan kerana tidak ada pandangan jauh, tidak ada perancangan, tidak ada kecekapan, tidak ada pentadbiran, tidak ada *entrepreneur*, dan pelabur tempatan yang cekap. Semua ini mereka tidak ada. Justeru itu, mereka tidak dapat maju.

Kita boleh dikatakan bernasib baik kerana kita mempunyai pengalaman dalam pentadbiran, perancangan, pelaksanaan rancangan dan kecekapan dalam berbagai-bagai bidang. Ini semua diusahakan oleh kerajaan dengan melatih dan memberi panduan, dengan membuat rancangan, dan menyusun langkah. Semua ini memerlukan kecekapan. Ia bukan terjadi begitu sahaja.

Berteknologi tinggi

Johan Jaaffar: Dato' Sri, apa yang selalu Dato' Sri sebutkan ialah kita membawa masuk industri yang berteknologi tinggi, yang memerlukan kemahiran, kepakaran yang tinggi, yang tentunya berbeza dengan keadaan sebelum ini apabila kita menumpukan perhatian kepada aspek pertanian sahaja. Apakah Dato' Sri yakin bahawa kualiti pekerja di Malaysia, kelebihan kompetitif kita, dan prasarana atau infrastruktur yang kita sediakan dapat memungkinkan kita menjadi pengeluar yang jauh lebih baik dan dapat mengatasi walaupun tidak dapat menyaingi secara sengit pengeluar-pengeluar lain?

Perdana Menteri: Saya percaya bahawa jika kita diberi masa yang cukup kita boleh menguasai segala kecekapan, segala ilmu yang kita perlukan untuk meningkatkan keupayaan kita. Sebab itu kita tidak mengambil langkah yang terlalu jauh, yang kita tidak

Pada mulanya kita tumpukan kepada mewujudkan peluang kerja supaya semua mendapat kerja walaupun gaji kecil. Sekarang ini kita tumpukan kepada kenaikan upahan dengan membawa industri yang menggunakan lebih banyak modal, lebih banyak teknologi dan dengan itu lebih banyak *value-added*, pertambahan nilai. Dan kerana tambahan nilai meningkat, mereka mampu membayar gaji ataupun upahan yang lebih tinggi.

Jaafar Kamin: Dibanding negara kita dengan negara lain, mana lebih banyak insentifnya?

Perdana Menteri: Lebih banyak insentif di negara lain. Sebenarnya kalau di Eropah, yang selalu mengecam kita kerana kononnya memberi subsidi kepada industri, mereka biasanya, *local authorities*, memberi tanah percuma bahkan memberi modal. Sebahagian daripada modal datang daripada kerajaan ataupun kerajaan tempatan supaya begitu menarik sekali untuk melabur di sana. Kita cuma beri insentif, tidak perlu bayar cukai 5 tahun ataupun 10 tahun. Itu pun kita tahu bahawa tahun-tahun pertama, kedua dan ketiga tidak ada untung. Jadi macammua pun dia tidak membayar cukai. Tetapi di Eropah dan di Amerika, mereka sanggup memberi tanah, dan memberi modal, tetapi yang tidak menarik ialah gaji mereka terlalu tinggi. Dengan itu pelabur mereka masih juga melabur di sini walaupun insentif kita kurang.

Gimmick politik

Kahman Sulaiman: Berbalik kepada apa yang Dato' Sri sebut tentang peranan pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja dalam usaha menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara. Di samping itu ada pihak-pihak lain yang sengaja ataupun secara langsung atau tidak langsung cuba memainkan peranan demikian. Dan apabila perkara ini ditimbulkan pada masa dahulu, orang ramai nampaknya menganggap ini cuma sebagai satu gimmick politik kerajaan. Mereka seolah-olah tidak yakin. Apa respond Dato' Sri tentang ini?

Perdana Menteri: Ya, memanglah apabila kerajaan membuat sesuatu, ada sangkaan bahawa tujuannya ialah supaya kerajaan mendapat sokongan daripada rakyat dan ada tujuan-tujuan politik bagi parti ataupun kerajaan. Tetapi kita, sebagai kerajaan, berasa bertanggungjawab dan kita sedar bahawa kalau kita dapat membangunkan negara, rakyat lebih suka kepada kerajaan. Dari sudut itu memang ada tujuan politiknya. Tetapi memang pun sesuatu kerajaan sepatutnya berusaha untuk membangunkan negara untuk kepentingan rakyat.

Kita dipilih oleh rakyat dan kerana itu kita harus buat sesuatu untuk rakyat. Malangnya apa yang baik bagi rakyat dalam jangka panjang ternampak tidak begitu baik dalam jangka pendek. Umpamanya, kalau kita kata, sepatutnyalah upahan ditingkatkan dan ini baik bagi pekerja. Tetapi dalam *long term*nya kalau pelaburan tidak datang, upahan yang meningkat, itu akan menjejaskan peluang-peluang kerja bagi yang

mampu buat. Kita berpindah daripada industri yang *basic* seperti pertanian kepada industri yang tidak sukar dikuasai. Umpamanya, kita kata *screw driver assembly*, iaitu pekerja itu cuma dikehendaki memasang *screw drive*? sahaja. Dia sudah cukup mampu kerana boleh memasang barang-barang yang mudah dipasang. Tetapi kemudian daripada itu kita meningkatkan keupayaannya sehingga sekarang ini dia boleh mengguna alat-alat yang canggih untuk membuat kereta umpamanya, ataupun memasang TV, dengan menggunakan teropong, *microscope* dan menggunakan alat-alat yang automatik. Ini semua meningkatkan keupayaan dan kalau diberi masa, kita dapat melatih orang kita melalui pengalaman dan melalui latihan sehingga mereka boleh membuat apa sahaja.

Sebab itu kita kata mungkin satu hari nanti kita akan merekabentuk sebuah roket untuk pergi ke bulan. Bukan mustahil. Mereka yang boleh membuat ini (roket) bukan manusia yang luar biasa. Mereka sama seperti kita, tinggal lagi mereka mempunyai pengalaman yang lebih lama. Mereka juga, 100 tahun dahulu, sama sahaja kebolehan mereka dengan orang yang tidak mempunyai tamadun yang tinggi. Dan kita juga boleh. Tinggal lagi kita hendak *progress* dengan lebih cepat dan pengalaman pihak lain boleh digunakan oleh kita. Kita ambil dan kita tidak seperti kata orang "*reinvent the wheel*." Roda sudah ada, kita tidak perlu bentuk roda baru. Cara-cara menggunakan komputer umpamanya, sudah pun diterokai oleh pihak lain. Kita tidak perlu menerokai bidan ini semula. Kita cuma guna dan kita belajar macam mana menggunakannya. Kemudian daripada itu kita mungkin memperbaiki lagi dan akhirnya kita dapat menguasai teknologi yang berapa canggih sekalipun.

■ Lihat muka 10

Suara berani di

dunia ketiga

J.M. 17 AUG 1993

SAMBUNGAN DARI MUKA 8

HARDEV Kaur: Dato' Sri, berbalik kepada inflasi dan cara-cara membendung ataupun mengawal inflasi ini. Sejauh manakah peranan pasaran mata wang asing mempengaruhi usaha mengawal inflasi dan tidakkah kadar interest rate digunakan untuk mengawal inflasi ini?

Perdana Menteri: Inflasi boleh disebabkan oleh tindakan negara-negara asing. Umpamanya di Jepun kerana barangan Jepun begitu murah, maka mereka mengambil tindakan untuk menaikkan nilai yen. Kalau nilai yen itu terlalu tinggi sudah tentu barangan daripada Jepun akan berharga tinggi dan tidak boleh hersaing. Demikian juga dengan kita. Kalau kita tidak berjaga-jaga mereka akan cuba supaya nilai ringgit ditingkatkan. Mungkin 10 peratus, 100 peratus. Apabila ia meningkat sudah tentu kos kita juga meningkat.

Jadi dalam usaha kita melawan ini, kita mesti tahu bagaimana meningkatkan produktiviti kita, sama dengan peningkatan nilai mata wang. Umpamanya, apabila yen Jepun naik harga, mereka mengambil tindakan untuk mengurangkan kos pengeluaran, mereka dengan mengurangkan penggunaan tenaga. Mereka kurangkan tenaga, *energy*. Mereka membentuk *factory* yang lebih efisien. Mereka menyusun kerja supaya daya pengeluaran mereka meningkat. Akhirnya mereka berjaya meneruskan proses mengurangkan kos mereka walaupun nilai mata wang mereka meningkat. Umpamanya, dengan menggunakan robot, mereka boleh mengeluarkan lebih banyak barangan dengan menggunakan pekerja yang sedikit. Kita juga mungkin cuba macam itu.

Johan Jaaffar: Dato' Sri selalu kritikal dalam banyak hal dunia antarabangsa dan Dato' Sri menjadi suara berani dalam dunia ketiga dalam banyak hal. Apakah Dato' Sri tidak merasakan kemungkinan backlash dari negara-negara maju dalam hubungan dengan perkembangan ekonomi kita dan masa depan pasaran?

Perdana Menteri: Ya, memang ada kemungkinan itu dan hari ini kita merasai *backlash* daripada mereka. Usaha mereka untuk meningkatkan kos kita adalah satu daripada manifestasi *backlash* ini. Tetapi kita mestilah tahu bagaimana kita dapat bertindak untuk menghalang usaha mereka dan satu daripadanya ialah dengan menentukan negara kita ini ditadbir dengan tertib, efisien, tidak ada keadaan tidak stabil dan sebagainya. Ini merupakan kekuatan kita. Jadi, kalau mereka ingin tekan kita, kita mesti perkukuhkan keadaan kita, *defence* (ketahanan) kita. Kalau negara kita selalu tidak mempunyai tindakan perusahaan, politiknya stabil, pemerintahnya cekap, pentadbirnya cekap, ini adalah *defence line* kita. Sedikit sebanyak kita berjaya walaupun kita lantang bercakap di luar negara. Percubaan mereka untuk, kata orang, kilas tangan kita di belakang, *twist our arms* tidak begitu berjaya kerana kita mampu mempertahankan diri kita dan ada banyak lagi yang boleh kita buat. Dalam strategi kita untuk menjaga kepentingan kita yang tidak payah kita ulaskan, kita mesti tahu kalau ini berlaku apa tindakan kita.

Percubaan mereka untuk, kata orang, kilas tangan kita di belakang, *twist our arms* tidak begitu berjaya kerana kita mampu mempertahankan diri kita dan ada banyak lagi yang boleh kita buat. Dalam strategi kita untuk menjaga kepentingan kita yang tidak payah kita ulaskan, kita mesti tahu kalau ini berlaku apa tindakan kita.

Rahman Sulaiman: Dato' Sri, saya lanjutkan tentang kemungkinan backlash ini. Saya rasa satu usaha yang Dato' Sri lakukan sejak menjadi Perdana Menteri ialah mendapatkan pasaran-pasaran baru untuk barangan Malaysia. Dalam segi ini Dato' Sri saya rasa boleh disifatkan sebagai

champion of the new market for the Malaysian goods. Jadi sejauh mana hasil usaha ini dan apakah Dato' Sri berpuas hati setakat ini?

Perdana Menteri: Kita tahu bahawa satu daripada tindakan yang boleh diambil oleh negara yang kita kritik ialah dengan menyekat barangan kita daripada dijual kepada mereka, ataupun mengugut kita untuk menyekat penjualan eksport barangan kita kepada mereka. Lawannya ialah kita membesarkan *domestic market*, pasaran tempatan kita. Sebab itu kita memberi galakan kepada *domestic tourism*, umpamanya. Ini (*tourism*) telah diberi galakan dan ia sudah menjadi satu industri yang besar. Kita hendak supaya rakyat kita lebih kaya, lebih mampu, boleh membeli barangan dengan lebih banyak, dan dengan itu *stimulate* pertumbuhan kita. Kita juga tahu bahawa wang itu tidak berguna melainkan ia digunakan.

Oleh itu jikalau kita ada duit banyak tetapi kita simpan bawah bantal, ia tidak menolong sesiapa, ia tidak menolong diri kita kerana duit itu mungkin susut kalau nilai mata wang itu berkurangan. Sebab itu kita hendak supaya aktiviti dagangan dalam negeri meningkat. Kita gunakan duit dengan itu sepanjang masa. Kalau duit seringgiti itu bertukar tangan 10 kali dalam satu hari, ia lebih menguntungkan daripada kalau duit itu disimpan begitu.

Membangunkan ekonomi

Jadi satu daripada pendekatan kita untuk mengelakkan daripada tekanan daripada orang asing ialah dengan kita membangunkan ekonomi dalam negeri. Selain daripada itu kita cari pasaran yang bukan tradisional. Pasaran kita dahulu terhad kepada Eropah, Amerika dan Jepun. Sekarang ini kita nampak bahawa negara-negara Selatan, *South*, juga membeli barangan yang banyak dari negara-negara Utara. Walaupun mereka miskin tetapi hakikatnya ialah mereka membeli banyak barang dari Eropah, Amerika, dan Jepun. Kenapa tidak daripada kita?

Sebab itu kita bawa rombongan kita pergi ke negara-negara ini. Kita kenal pasti apa dia keperluan mereka yang kita boleh bekal. Dan ini sudah kita buat, dan kita dapati banyak sebenarnya peluang perniagaan dengan negara-negara membangun yang sesetengahnya tidak begitu miskin. Negara-negara Latin Amerika bukan miskin, tetapi cuma menghadapi masalah. Hasil daripada rombongan-rombongan ini ialah peningkatan eksport kita ke negara yang dahulu kita tidak pun kenal.

Dagangan dengan sesetengah negara ini meningkat 300 peratus. Tidak banyak, kerana basenya kecil. Dan sekarang ini kita sudah mula apa yang dikatakan *third country trading*. Umpamanya, baru-baru ini sebuah syarikat Malaysia mendapat maklumat bahawa Russia ingin membeli kopi. Kita tidak mengeluarkan banyak kopi tetapi kita tahu Colombia ada kopi. Kita dapatkan kopi dari Colombia untuk dijual kepada Russia. *Third country trading* tidak melibatkan kita. Peniaga-peniaga Malaysia sudah mula melibatkan diri.

Hardev Kaur: Dato' Sri, negara kita masih kekurangan prasarana. Tidakkah kekurangan prasarana di negara Malaysia ini menyekat usaha kita menjadi lebih efisien.

Perdana Menteri: Memang benar. Sebab itu sekarang ini kita memberi tumpuan kepada prasarana atau infrastruktur. Kita akan mengadakan lapangan terbang baru, dan pelabuhan yang baru. Kita mengadakan sistem jalan raya yang lebih efisien dan kita juga memberi tumpuan kepada *efficiency infrastructure* kita ini. Umpamanya, sekarang ini kita iadkan Pelabuhan Klang sebagai pelabuhan bebas cukai, yang mana ini akan membolehkan Pelabuhan Klang mengimport barangan dari negara-negara jiran, proses di Port Klang tanpa dikenakan cukai dan dieksport. Jadi seolah-olah

dibuat di luar dari Malaysia. Dan dengan tidak mengenakan cukai dan gangguan pemeriksaan dan lain-lain, ia menjadi lebih efisien dan ia mendapat keuntungan daripada perusahaan negara asing sebenarnya. Dan banyak lagi yang kita sedang fikirkan, umpamanya IOFC di Labuan. Sekarang ini (Labuan) sudah mendapat pengiktirafan dari negara-negara asing dan banyak bank yang mula berniaga di situ. Kita adakan *infrastructure* untuk *tourism*, mengadakan hotel dan sebagainya. Kita memberi galakan pelaburan untuk pelancongan sebagai satu usaha untuk mengadakan prasarana yang cukup. Kita masih meneruskan usaha ini. Bekalan air, bekalan api, semua ini sedang disediakan.

Rahman Sulaiman: Apa masalah yang dihadapi, sebab ada pendapat seolah-olah kita terlalu, orang kata lambat sangat, terutama sekali dalam membekalkan infrastruktur fizikal, agak lambat kalau dibandingkan dengan setengah negara.

Perdana Menteri: Tetapi khasiatnya ialah kita sudah dapat meningkatkan kecekapan dan kepantasan kita. Sebab itu kita menggunakan *approach* penswastan. Dahulu kerajaan terpaksa mengeluarkan belanja bagi Telekom. Setahun, 100 juta, 200 juta terpaksa dibayar daripada hasil-mahsul negara kepada Telekom. Tetapi masa itu kita tahu perkhidmatan Telekom tidak begitu baik dan ramai yang menghendaki telefon tidak mendapatinya. Sekarang ini kita sudah swastakan dan prestasi Telekom sudah meningkat. Dahulu cuma 800,000 *line* sahaja. Dalam jangka masa enam, tujuh tahun sudah meningkat kepada lebih 2 juta *line*. Siapa yang hendak telefon boleh pergi ke kedai Telekom dan mendapat telefon. Selain daripada itu kalau dulu kita terpaksa mengeluarkan peruntukan kepada Jabatan Telekom sebanyak 100 juta, 200 juta, sekarang ini Telekom untung dan sebahagian daripada keuntungan ini dibayar sebagai cukai kepada kerajaan. Ia untung sehingga 1,400 juta setahun dan sebahagian daripada itu adalah cukai yang perlu dibayar kepada kerajaan untuk digunakan bagi lain-lain *infrastructure*.

Rahman Sulaiman: Jadi maknanya *approach* kerajaan sekarang ialah untuk seboleh-bolehnya menswastakan unsur-unsur penyediaan infrastruktur?

Perdana Menteri: Ya, kita berpendapat bahawa apabila diswastakan sesuatu, maka perjalanannya akan menjadi lebih efisien. Ini terbukti dengan Telekom. Demikian juga kontena *port* kita. Semuanya apabila diswastakan, apabila ada motif keuntungan barangkali, mereka lebih cekap dan lebih efisien. Sebab itu kita gunakan pendekatan penswastakan.

Negara maju

Johan Jaaffar: Dato' Sri, Malaysia mencapai kejayaan dalam jangka waktu yang relatif, pendek dan kita membayangkan bahawa kita akan menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 menggunakan kriteria kita sendiri. Dan dalam konteks misalnya orang Melayu kita dapati dalam kurang daripada satu generasi kita telah berupaya mengubah orang Melayu daripada dasar pertaniannya menjadi usahawan, peniaga yang terlibat dalam urusan yang kompleks dan sebagainya. Apakah tidak menurut pandangan Dato' Sri kemungkinan bahawa perubahan nilai dan sebagainya ini boleh menyebabkan kesan yang tersendiri kepada struktur masyarakat dan nilai di dalam masyarakat Malaysia akan datang?

Perdana Menteri: Saya berpendapat bahawa apa juga yang kita buat ada baiknya, ada buruknya. Tiada sesuatu pun yang 100 peratus baik. Kalau kita makan pun, sedangkan dia memberi tenaga kepada kita, kita dapat membesar, tetapi kalau makan terlalu banyak atau makan barang yang silap, kita boleh sakit. Demikian juga sekarang ini kekayaan bagi sesetengah, bukan semua, bumiputera mempunyai kesan yang tidak

baik. Mungkin mereka terlalu materialistik dan sebagainya. Tetapi hanya kerana itu tidak harus menyebabkan kita menyekat supaya mereka kekal dengan keadaan lama yang juga mempunyai ciri-ciri yang tidak baik. Jadi yang kita pindah ialah daripada satu keadaan yang mana ada kebaikan dan keburukan kepada satu lagi keadaan yang mana juga kebaikan ada juga keburukan. Apabila kita kenal pasti mana yang buruk, kita harus ambil tindakan untuk memperbaiki keburukan hasil daripada *progress* yang telah dicapai. Dan ini sedang kita usahakan. Sebab itu kita menekankan tentang nilai-nilai hidup, nilai-nilai murni, nilai-nilai Islam dan sebagainya kerana kita hendak supaya ada *balance* di antara *progress* material dengan *progress* daripada segi rohani. Ini sedang kita usahakan. Kita tidak kata kita akan berjaya 100 peratus. Akan ada mereka yang menjadi semakin tamak, tetapi kita harap tidaklah begitu ramai.

Jaafar Kamin: Dato' Sri, oleh kerana kita sentuh tadi tentang kedudukan ekonomi dan peri mustahaknya kedudukan inflasi dikurangkan, seboleh-bolehnya tentulah melibatkan rakyat biasa. Dato' Sri telah sebut tentang industri tempatan yang patut dikembangkan lagi, tetapi untuk orang biasa sebagai seorang pemimpin negara yang memandang ke dalam negara, juga telah melihat keluar malahan telah mempelopori beberapa tindakan baru di peringkat antarabangsa. Pada pandangan Dato' Sri, apa yang paling baik sekali untuk rakyat bergabung menentukan yang dirancangkan itu berjaya?

Tanggungjawab kerajaan

Perdana Menteri: Yang penting sekali, pada pendapat saya, ialah pengetahuan. Kita tidak boleh bertindak dengan berkesan tanpa memahami apa yang kita buat, apa hasil daripadanya dan apa sebabnya. Sebab itu proses *education*, meningkatkan daya pemikiran rakyat amat penting. Sebab itu umpamanya Jabatan Penerangan mempunyai peranan yang amat penting untuk memberitahu kepada rakyat tentang apa yang mereka perlu tahu dalam penglibatan mereka dalam proses pembangunan negara, supaya mereka tidak tertarik dengan keuntungan jangka pendek yang boleh membinasakan keadaan jangka panjang. Sebaliknya menumpukan kepada jangka panjang, kebaikan jangka panjang, walaupun terpaksa membuat pengorbanan sedikit di waktu ini. Ini, saya fikir, kalau rakyat faham soal inflasi, soal apa yang baik, kita boleh mengatasinya.

Menjadi tanggungjawab kerajaan juga untuk menearangkan apa sebabnya kerajaan membuat sesuatu. Umpamanya, kita kata kita harus menswastakan. Banyak orang kata kalau dah swasta, dia cuma ingat hendak buat duit sahaja, tentu khidmatnya tidak baik, tentu dia bayar gaji rendah dan tentu dia akan buang pekerja. Itu *first reaction*. Tetapi kita tahu bahawa setelah kita swastakan, jabatan-jabatan yang diswastakan sekarang ini, pekerjaannya mendapat gaji yang lebih baik, bonus dan sebagainya. Yang malang ialah pihak yang tidak diswastakan. Sebab itu kita cuba kalau boleh kita dapat pungut lebih banyak cukai supaya kita jaga juga kepentingan mereka yang tidak diswastakan, yang masih ada dalam kerajaan.

Jaafar Kamin: Baiklah Dato' Sri, nampaknya setakat ini untuk perbincangan bersama Dato' Sri. Terima kasih diucapkan kerana memberi kelapangan masa untuk datang ke Studio Satu ini. Terima kasih juga kepada tuan-tuan, Saudara Johan, Saudara Abdul Rahman dan Cik Hardev.

Saudara, demikian perbincangan pada kali ini. Mudah-mudahan kita semua dapat meneliti tentang saripatinya kerana kita semua mempunyai peranan masing-masing dalam pembangunan negara dan juga stabiliti yang lebih terjamin.